

<b>Headline</b>	Potensi jadi hab pelancongan		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian (Utara)		
<b>Date</b>	07 Dec 2011	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	NEWS	<b>Circulation</b>	60,000
<b>Page No</b>	U2	<b>Readership</b>	
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	502 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 2,761
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 8,283



# Potensi jadi hab pelancongan

**KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**

**PADANG BESAR** - Perlis mempunyai potensi besar untuk dijadikan hab ekopelancongan negara memandangkan negeri itu kaya dengan pelbagai khazanah alam semula jadi yang mampu dijadikan tarikan utama pelancong dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Dr James Darwoos Mamit berkata, di sebalik kekayaan sumber alam semula jadi dan tempat bersejarah dimiliki Perlis, negeri itu masih gagal menjadi destinasi utama pelancongan di negara ini berbanding pulau Langkawi disebabkan kekurangan usaha mempromosi produk pelancongan secara komprehensif.

Menurutnya, Kerajaan Pusat dan Negeri seharusnya mengambil langkah melakar satu perancangan terperinci untuk mempromosikan produk pelancongan Perlis di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan kehadiran pelancong ke negeri itu.

"Jika dilihat faktor geografi, kedudukan Perlis sebagai hab ekopelancongan negara amat strategik kerana berdekatan dengan destinasi pelancongan utama negara dan Thailand, Pulau Langkawi, Hadzai dan Satun.

"Justeru, satu mekanisme perancangan terperinci perlu dilaksanakan demi memastikan produk-produk pelancongan Perlis dipromosikan di seluruh dunia dan seterusnya dijadikan tumpuan utama pelancong," katanya pada sidang media sempena Majlis Penyerahan Projek

Pembangunan Prasarana Kemudahan Pelancongan Pusat Rekreasi dan Pendidikan Alam Flora, Kebun Jati di sini kelmarin.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Perlis, Fadina Othman.

Dr James berkata, berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Negeri Perlis, jumlah pelancong yang melawat Perlis sepanjang 2010 ialah sebanyak 779,056 orang iaitu peningkatan sebanyak 13.7 peratus berbanding seramai 672,393 orang pada 2009.

Lebih manis, Dr James turut mendedahkan prestasi industri pelancongan negara turut mencatat peningkatan memberangsangkan apabila seramai 24.6 juta pelancong datang pada tahun 2010 dan menyumbang sebanyak RM56.4 bilion kepada jumlah pendapatan negara.

"Mengikut laporan UNWTO tahun 2010, Malaysia diletakkan di tangga ke-9 dalam ranking dunia bagi negara paling ramai dilawati oleh pelancong antarabangsa dan kedua dalam ranking di kalangan negara-negara Asia selepas China.

"Saya yakin negara kita akan dapat mencapai sasaran menaikkan industri pelancongan ke tahap lebih tinggi iaitu seramai 36 juta pelancong dengan pendapatan sejumlah RM168 bilion pada tahun 2020," katanya.

Dr James berkata, Kementerian Pelancongan meluluskan empat projek infrastruktur pelancongan Perlis dengan peruntukan berjumlah RM17 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-

10 (RMK10) iaitu projek menaik taraf Jeti Kuala Perlis sebanyak RM5 juta, peningkatan kemudahan pelancongan Gua Kelam (RM3 juta), peningkatan kemudahan pelancongan di pekan Kuala Perlis (RM5 juta) dan pengindahan Sungai Perlis dan Kuala Sungai Baru (RM4 juta).

"Kelulusan empat projek itu merupakan kesinambungan daripada usaha Kerajaan Pusat yang terdahulu dalam RMK9 memperuntukkan sejumlah RM71 juta bagi 39 projek pembangunan pelancongan negeri.

"Diharapkan usaha Kerajaan Pusat menjadikan Perlis sebagai hab ekopelancongan negara tercapai dan jumlah bilangan pelancong ke Perlis akan terus meningkat dari tahun ke tahun," katanya.

<b>Headline</b>	<b>Potensi jadi hab pelancongan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>07 Dec 2011</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>U2</b>	<b>Readership</b>	
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>502 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,761</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 8,283</b>



James (dua, kanan) menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penyerahan semula projek pembangunan prasarana kemudahan pelancongan pusat rekreasi dan pendidikan alam flora di antara wakil Kementerian Pelancongan dan Frim.

<b>Headline</b>	Potensi jadi hab pelancongan		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian (Utara)		
<b>Date</b>	07 Dec 2011	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	NEWS	<b>Circulation</b>	60,000
<b>Page No</b>	U2	<b>Readership</b>	
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	502 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 2,761
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 8,283



James menanam anak pokok di Kebun Jati, Padang Besar sebagai simbolik usaha Kementerian Pelancongan mempromosi semangat menjaga alam sekitar dalam kalangan rakyat Perlis.